

12 produk USIM rangkul pingat Pencipta 2013

SEREMBAN 12 Nov. - Seramai 12 pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya mengharumkan nama universiti tersebut menerusi produk inovasi ciptaan masing-masing pada persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pencipta) yang berlangsung di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Lebih membanggakan, Pensyarah Fakulti Sains dan Tekonologi USIM, Dr. Madihah Mohd Saudi telah dianugerahkan pingat emas selain anugerah khas dari Persatuan Penciptaan Hak Milik Intelektual (WIIPA) Taiwan melalui perisian ciptaannya yang dikenali dengan Ezsiber.

Menurut Madihah, produk itu merupakan sebuah perisian khas yang berfungsi sebagai alat bantuan pembelajaran khususnya berkaitan dalam bidang ancaman siber.

“Sistem ini direka bentuk dalam tempoh tiga tahun dan ia bertujuan bagi melahirkan lebih ramai pakar siber sekuriti selari dengan ancaman siber yang kian berleluasa di zaman serba moden ini.

“Antara keunikan produk ini

adalah ia akan dapat mempercepatkan proses pembelajaran pelajar untuk menguasai bidang ini yang pada kebiasaannya memakan masa tiga tahun kepada setahun minimum,” katanya di sini hari ini.

Jelasnya lagi, produk tersebut juga mempunyai keistimewaan boleh digunakan tanpa capaian internet dan tidak perlu dikemas kini.

“Melalui kejayaan dan pengiktirafan ini saya juga bercadang mengkomersialkan perisian ini untuk digunakan bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa,” ujarnya.

Dalam pada itu, 11 lagi pensyarah USIM yang menyertai Pencipta membawa pulang enam pingat perak dan lima gangsa melalui produk masing-masing.

Pencipta 2013 yang masuk kali ketujuh penganjuran menyaksikan sebanyak 490 produk dipertandingkan.

Edisi 2013 itu turut menyaksikan penyertaan peserta antarabangsa membabitkan tujuh buah negara iaitu Taiwan, Korea, Turki, Mesir, Indonesia, Thailand dan Qatar.